



FINAL EXAMINATION NOVEMBER 2021

COURSE TITLE BAHASA KEBANGSAAN A

COURSE CODE MPU2213

DATE/DAY 19 FEBRUARY 2022 / SATURDAY

TIME/DURATION 05:00 PM - 07:00 PM / 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 8 Printed Pages including front page)

DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO



**FINAL EXAMINATION
NOVEMBER 2021**

**COURSE TITLE : BAHASA KEBANGSAAN A
COURSE CODE : MPU2213
DATE/DAY :
TIME/DURATION : 2 JAM**

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES:

1. Please read the instructions carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into the examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulations will be charged with academic dishonesty, and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 8 Printed Pages including the front page)

****DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO****

Kertas soalan ini mengandungi DUA (2) bahagian. Jawab SEMUA soalan di bahagian A. Bagi Bahagian B pula, pilih dan jawab hanya DUA (2) soalan daripada tiga soalan yang dikemukakan. (20 MARKAH)

BAHAGIAN A (10 Markah)

1. Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan yang dikemukakan dengan memilih jawapan yang paling tepat. (5 Markah)

Pepatah "biar lambat asalkan selamat" dianggap sudah usang dan lapuk tetapi terimalah padahnya jika kita mengingkarinya. Mesej pepatah ini jelas, iaitu sikap tergesa-gesa di jalan raya pasti mengundang malapetaka. Saban tahun, kempen diadakan untuk memperingatkan pemandu supaya berhemah di jalan raya. Namun demikian, kesan optimum yang diharapkan tidak tercapai. "Jalan-jalan maut" yang disenaraikan oleh polis trafik dianggap suatu momok sahaja.

Menurut kajian, kemalangan jalan raya berpunca daripada pemandu kenderaan sendiri, iaitu 33.16 peratus akibat kecuaian dan 10.87 peratus akibat memandu secara laju dan berbahaya. Kesihatan pemandu yang kurang memuaskan dan pelanggaran undang-undang lalu lintas juga menyebabkan kemalangan. Kemalangan juga berpunca daripada aspek teknikal dan keadaan cuaca yang buruk. Namun demikian, ada kajian yang menunjukkan bahawa 92 peratus kemalangan berlaku dalam keadaan cuaca baik. Sesuatu yang jelas di sini ialah sikap rakus dan tergesa-gesa pengguna jalan raya akan mengakibatkan kecederaan dan kematian di jalan raya. Sewaktu kempen, pemandu lebih berhemah tetapi selepas kempen, jalan raya terus dijadikan "gelanggang maut". Sikap mereka menunjukkan bahawa undang-undang lalu lintas yang wujud seolah-olah tidak dihormati, apatah lagi dipatuhi.

Mungkin patut kita berbalik kepada prinsip "melentur buluh biar daripada rebungnya", iaitu melihat peranan sekolah dalam mengeksplorasi peraturan jalan raya secara positif. Disiplin ini diharap akan meresap ke dalam hati pemandu supaya mereka akan menjadi pemandu yang bertatatertib. Kalau tidak mahu menghargai nyawa sendiri, sekurang-kurangnya hargailah nyawa orang lain. Tanpa didikan seperti ini, rangkaian jalan raya kita hanya akan dikuasai oleh pemandu-pemandu yang "mabuk tanpa mengambil alkohol". Mereka menjadi angkuh, gelojoh, lalai dan tidak sayang akan nyawa.

Untuk menghapuskan kemalangan sama sekali atau "kemalangan sifar" mungkin mustahil. Antara langkah mencegah kemalangan termasuklah dengan memperhebat pencegahan perlumbaan haram, memasang perangkap laju (AES) dan mengadakan rondaan di tempat-tempat yang dikenal pasti berbahaya serta kerap berlaku kemalangan. Dengan purata enam orang maut, 200 orang cedera dan 300 buah kendaraan rosak setiap hari, korban akibat kemalangan jalan raya lebih tinggi daripada korban akibat perang atau penyakit serius.

Nyawa pemandu kenderaan terus terancam selagi kenderaan tidak diselenggarakan dengan baik. Kenderaan harus kerap diservis untuk memastikan bahagian-bahagian seperti enjin, brek, gear, tayar dan lampu isyarat berada dalam keadaan yang baik. Sekolah-sekolah memandu perlu mengingatkan dan menyedarkan pemandu pelatih tentang pentingnya sikap berhemah dan bertanggungjawab di jalan raya. Sikap pemandu pelatih hanya berhajat untuk lulus dan mendapat lesen patut dihapuskan. Status pemilikan lesen memandu seharusnya merangkumi kemahiran mengendalikan kenderaan dan bersepadu dengan ciri-ciri

kemanusiaan yang tinggi. Langkah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengadakan tem poh percubaan selama dua tahun bagi calon pemegang lesen memandu amat dialu-alukan. Tempoh penilaian ini penting bagi memastikan hanya pemandu yang benar-benar berkualiti dibenarkan mengendalikan kenderaan di jalan raya.

1. Berdasarkan petikan, pengguna jalan raya bersikap
 - I. mem entingkan diri sendiri
 - II. mem entingkan kesempurnaan jalan
 - III. mem entingkan kepuasan
 - IV. mem entingkan kesempurnaan enjin kenderaan
 - A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV
2. Amalan seperti maksud "biar lambat asalkan selamat" patut diteruskan sebagai
 - A. petunjuk
 - B. renungan
 - C. bimbingan
 - D. peringatan
3. Antara yang berikut, yang manakah pernyataan yang membawa kesan positif terhadap perisytiharaan "jalan-jalan maut"?
 - I. Meningkatkan kesedaran pem andu
 - II. Mengurangkan kem usuhan harta benda
 - III. Mengurangkan keyakinan semasa mem andu
 - IV. Mengurangkan tekanan perasaan terhadap pem andu

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

4. Perenggan ketiga petikan mem berikan gambaran bahawa _____.

- I. undang-undang lalu lintas tidak dipraktikkan
- II. pendidikan pemandu berhemah perlu ditekankan
- III. undang-undang hanya dipatuhi untuk mendapatkan lesen
- IV. usaha pencegahan kemalangan merupakan tanggungjawab pihak polis

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. II dan IV

5. Punca utama kemalangan jalan raya ialah _____.

- A. cuaca yang buruk
- B. kecuaian pemandu
- C. kerosakan enjin kereta
- D. keadaan jalan raya tidak sempurna

2. Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang dikemukakan dengan memilih jawapan yang paling tepat. (5 Markah)

Remaja hari ini merupakan tonggak masa depan negara. Menyedari hakikat ini, kerajaan sedang berusaha untuk melahirkan satu generasi ilmuwan yang teguh keimananinya, berpegang kepada prinsip hidup yang utuh, mampu berfikir secara bebas dan rasional, tabah tatkala berhadapan dengan pelbagai pancaroba persekitaran serta mampu mendukung aspirasi pembangunan negara. Impian ini sekali lagi terjelma malah memperoleh nafas baru melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelan ini dengan jelas menggariskan bahawa usaha

membina dan memupuk modal *insan berminda kelas pertama* yang akan menjadi benih generasi masa depan sebagai agenda utama segala proses pendidikan di negara ini.

Namun begitu, tinjauan terhadap gelagat, sikap, pemikiran, dan pendidikan anak-anak muda yang menduduki bangku sekolah hari ini bukan sahaja akan mengecewakan, malah pasti akan merunsingkan golongan yang sedang mengejar masa dalam usaha merealisasikan pembentukan generasi yang diimpikan itu. Pelbagai kajian yang dilakukan pula menunjukkan sebilangan remaja hari ini seolah-olah bersinonim dengan masalah penteng sekolah, melepak, penyalahgunaan dadah, merokok, vandalisme, dan penglibatan dalam kongsi gelap. Hal ini belum diambil kira kes-kes jenayah seperti terlibat dalam rompakan dan pembunuhan.

Semua kejadian ini seolah-olah mendesak kita untuk menerima hakikat bahawa generasi muda yang menjadi impian negara masih belum lahir sepenuhnya. Hakikat yang menyedihkan ini juga menyebabkan kita tertanya-tanya tentang masa hadapan negara ini memandangkan pada bahu golongan inilah kita sandarkan nasib negara dan amanat untuk meneruskan segala aspirasi pembangunan yang dirancang oleh pemimpin kini.

Bukan sedikit kajian yang dilakukan atau alasan yang telah dikemukakan bagi pelbagai kemelut yang melanda remaja hari ini. Begitu juga, tidak ada satupun pihak yang terlepas daripada kritikan tajam para pakar psikologi remaja. Kerajaan, dengan pelbagai dasar yang mementingkan pembangunan dan bermatlamatkan usaha meletakkan negara dalam barisan negara maju, para guru dengan sikap materialistik yang sering mengambil sikap lepas tangan dan para ibu bapa yang terkongkong dalam usaha mencari rezeki dan terlalu ghairah mengejar kekayaan sering menjadi sasaran para pengkritik yang jelas terpinga-pinga memikirkan arah yang sedang dituju oleh generasi pelajar kini.

Namun begitu, satu persamaan yang ketara dalam kajian hampir kesemua pakar psikologi remaja ialah mereka sepakat bahawa faktor terpenting yang menyumbang ke arah fenomena keruntuhan akhlak dan permasalahan disiplin remaja ialah faktor keluarga atau lebih tepat dikatakan kepincangan keluarga.

(Disesuaikan daripada artikel "Remaja Hari ini; Arah dan Tuju", oleh Ismail Wan Selamat)

- Apakah yang dimaksudkan oleh penulis dengan frasa *insan berminda kelas pertama*?
(2 markah)
- Nyatakan **dua (2)** pihak yang sering menjadi sasaran kritikan pakar psikologi.
(1 markah)
- Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh penulis melalui petikan artikel di atas?
(2 markah)



Bahagian B

(10 Markah)

Pilih dan jawab hanya DUA (2) soalan sahaja daripada tiga soalan yang diberikan.

1. Cerpen bermaksud cerita pendek manakala penulisan cerpen pula mengandungi plot, tema, nilai, teknik atau kaedah menulis cerpen yang berbeza dengan penulisan sebuah novel.
 - a) Apakah yang dimaksudkan dengan plot dan tema dalam cerpen?
(2 markah)
 - b) Terangkan **tiga** teknik yang boleh digunakan untuk menulis cerpen yang berkesan.
(3 markah)
2. Struktur penulisan terdiri daripada _____, isi dan kesimpulan. Manakala, ciri-ciri penulisan yang baik perlu memerlukan _____, iaitu _____

data atau maklumat yang sahih dan benar. Selain itu, gaya bahasa iaitu

_____ juga memainkan peranan yang penting dalam sesebuah penulisan. Bahkan, laras bahasa seperti _____ dan _____ juga mampu memberi hala tuju sesebuah penulisan yang dihasilkan untuk khayalak.

(5 Markah)

3. Ada enam jenis surat rasmi yang boleh digunakan dalam komunikasi bertulis antara individu dengan sasaran yang tertentu iaitu surat perniagaan, surat undangan rasmi, surat rayuan, surat aduan, surat permohonan kerja dan surat pesanan. Lengkapkan surat rasmi permohonan kerja di bawah.

(5 markah)

_____,
_____,
_____.
_____.

Kepada,

Encik Hamdan Kassim

Bahagian Sumber Manusia,

Syarikat Penerbitan Pen dan Buku,

69000 Genting Highlands.

Pahang Darul Makmur.

14 _____ 2022.

Berhubung dengan perkara di atas,saya ingin memohon pekerjaan di syarikat tuan. Saya mempunyai pengalaman bekerja selama lima tahun sebagai penyunting buku bahasa Melayu. Selain itu, saya juga mempunyai kelulusan di dalam bidang pengajian bahasa Melayu dari Universiti Malaya.

2. Di sini, saya juga ada melampirkan salinan biodata diri dan salinan sijil akademik untuk diteliti oleh pihak tuan. Saya berbesar hati sekiranya saya diberi peluang untuk menghadiri temu duga dan segala maklum balas, pihak tuan boleh menghubungi saya di talian 017-2233656 ataupun melalui alamat emel saya iaitu senimanbujang@gmail.com.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

()

*****END OF QUESTION PAPER/KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT*****

